




KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

# KERATAN AKHBAR KESUMA”

KHAMIS  
30 April 2026



## *Ekonomi gig, fleksibiliti & eksploitasi*

HARI Pekerja disambut esok seharusnya menjadi ruang untuk kita merenung semula makna sebenar pekerjaan. Jika dahulu isu pekerja lebih tertumpu kepada gaji minimum, waktu kerja dan kebajikan asas.

Hari ini, landskap telah berkembang dengan kemunculan ekonomi gig yang kononnya menawarkan fleksibiliti tetapi dalam masa sama menimbulkan pelbagai persoalan tentang keadilan dan perlindungan.

Pekerja gig khususnya penghantar makanan (*rider*) menjadi antara simbol paling jelas kepada perubahan berkenaan. Mereka dilihat sebagai tulang belakang kepada gaya hidup moden yang serba pantas.

Tanpa mereka, sukar untuk membayangkan bagaimana perkhidmatan penghantaran makanan dapat beroperasi dengan lancar. Di sebalik peranan penting itu, nasib mereka terumbang-ambing tanpa jaminan kukuh.

Syarikat penyedia platform terus mencatat keuntungan memberangsangkan didorong oleh permintaan pengguna yang semakin meningkat. Malangnya, keuntungan itu tidak diterjemahkan kepada kebajikan pekerja di lapangan. *Rider* masih berdepan kadar bayaran tidak menentu, perubahan algoritma yang tidak telus serta tekanan untuk memenuhi sasaran penghantaran yang semakin tinggi.

Lebih membimbangkan, status pekerja gig yang diklasifikasikan sebagai 'rakan penghantar' atau kontraktor bebas menyebabkan mereka terkeluar daripada banyak perlindungan dinikmati pekerja tetap.

Mereka tidak mempunyai akses kepada faedah seperti cuti berbayar, perlindungan insurans yang mencukupi atau caruman keselamatan sosial yang stabil. Dalam banyak keadaan, segala risiko ditanggung sendiri termasuk kos penyelenggaraan kenderaan dan keselamatan di jalan raya.

Tekanan yang dihadapi *rider* juga semakin ketara apabila berlaku perubahan polisi oleh syarikat tanpa rundingan yang adil. Kadar komisen boleh diturunkan secara tiba-tiba, bonus dikurangkan, malah sistem penilaian pelanggan memberi kesan langsung kepada pendapatan harian mereka.

Dalam situasi ini, *rider* sering berada dalam kedudukan yang lemah tanpa saluran berkesan untuk menyuarakan hak atau mempertahankan diri.

Ketika masyarakat menikmati kemudahan yang ditawarkan oleh teknologi, kita jarang memikirkan realiti di sebaliknya. Setiap pesanan yang tiba di pintu rumah sebenarnya datang bersama pengorbanan masa, tenaga dan keselamatan seseorang. Mereka berdepan dengan cuaca buruk, risiko kemalangan dan tekanan masa, semuanya demi memastikan perkhidmatan berjalan lancar.

Hari Pekerja seharusnya menjadi peringatan bahawa kemajuan ekonomi tidak boleh dicapai dengan mengorbankan keadilan sosial. Model perniagaan yang mampan perlu mengambil kira keseimbangan antara keuntungan syarikat dan kebajikan pekerja.

Ini termasuk memastikan kadar bayaran yang adil, ketelusan dalam sistem operasi serta perlindungan asas sewajarnya.

Kerajaan juga mempunyai peranan penting dalam menangani isu ini. Peruntukan lebih jelas perlu diperkenalkan bagi melindungi pekerja gig daripada eksploitasi. Ini boleh melibatkan penetapan standard minimum, pengiktirafan hak pekerja gig serta mekanisme untuk memastikan syarikat bertanggungjawab terhadap kebajikan mereka.

Hari Pekerja bukan sekadar cuti umum atau sambutan simbolik. Ia adalah peluang untuk kita menilai semula sistem kerja yang wujud hari ini.

Jika benar kita menghargai pekerja, maka sudah tiba masanya untuk memastikan tiada siapa yang tertinggal atau terus ditekan dalam arus perubahan ini.

**Hadi Ab. Manap ialah Pengarang Berita Utusan Malaysia**

## Perluas Akta 800 lindungi pekerja gig, sektor tak formal

**Kuala Lumpur:** Penambahbaikan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) sempena Hari Pekerja disifatkan sebagai langkah tepat, namun keberkesanannya bergantung kepada pelaksanaan yang lebih menyeluruh dan inklusif.

Pakar yang juga Profesor di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) di Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Datuk Prof Dr Nik Maheeran Nik Muhammad, berkata antara perkara paling kritikal ialah keperluan memperluaskan liputan perlindungan sosial kepada pekerja gig, pekerja serta sektor tidak formal yang semakin berkembang dalam ekonomi digital.

Katanya, sistem sedia ada kini masih tertumpu kepada pekerja formal bukannya pekerja GIG dan sektor tidak formal menyebabkan jurang perlindungan sosial terus melebar.

"Ada beberapa perkara kritikal yang wajar diberi perhatian oleh kerajaan termasuk memberikan kadar dan tempoh faedah yang realistik. Faedah kehilangan pekerjaan perlu mencerminkan kos sara hidup semasa.

"Tempoh bayaran dan kadar gantian harus cukup untuk memberi 'buffer' kepada pekerja mencari pekerjaan baharu tanpa tekanan kewangan melampau.



Penambahbaikan Akta 800 perlu bagi memberi manfaat kepada pekerja gig serta pekerja sektor tidak formal (Foto hiasan)



Nik Maheeran

Pendidikan dan Latihan Tekni-

kal dan Vokasional (TVET) serta universiti.

"Jika semua ini tidak diambil kira, kita hanya melatih mereka ini tanpa menjamin kebolehpasaran," katanya, semalam.

Baru-baru ini, Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Raman mengumumkan beberapa inisiatif tambahan akan diumumkan

untuk pasaran buruh susulan tekanan ekonomi global dan krisis geopolitik semasa.

Katanya, antara penambahbaikan termasuklah Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) bagi memperkukuh perlindungan sosial pekerja, selain memudahkan akses kepada program latihan semula dan peningkatan kemahiran.

Dalam pada itu, Nik Maheeran berkata, kerajaan juga boleh menilai semula kecekapan penyampaian berkaitan proses tuntutan dan akses kepada latihan lebih

pantas dan mesra pengguna.

"Laksanakan digitalisasi penuh, pengurangan birokrasi, dan sistem *one-stop centre* akan membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan mendapat bantuan dengan segera.

"Selain itu sediakan insentif kepada majikan yang mengambil pekerja daripada program latihan semula serta mengekalkan pekerja melalui penempatan semula berbanding pemberhentian. Ini penting untuk mengalihkan pendekatan daripada reaktif kepada pencegahan," katanya.

Dalam pada itu, beliau mencadangkan supaya Akta 800 dilihat dalam kerangka perlindungan sosial yang lebih menyeluruh, termasuk penyaluran dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi memastikan sistem perlindungan pekerja lebih bersepadu.

Beliau turut menekankan keperluan memberi perhatian khusus kepada tenaga kerja berusia, sejajar dengan trend penuaan populasi negara.

"Golongan ini perlu diberi akses kepada latihan semula dan peluang pekerjaan yang sesuai supaya kekal produktif dan tidak terpinggir," katanya.

kan bagi menangani ketidaktent-